

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]
TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 45

Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai aset-aset 1MDB dan nilai aset yang terkini seperti menurut Arul Kanda bekas CEO 1MDB, berjumlah RM43 bilion pada Mac 2018. Adakah Arul Kanda akan dibawa ke mahkamah kerana "bercakap bohong" kepada rakyat. Jika tidak dibawa ke mahkamah, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana umum sedia maklum, Laporan Akhir Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengenai Kawalan Pengurusan Urus Tadbir Syarikat 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang dikeluarkan pada 7 April 2016 antara lain telah mengesyorkan supaya anak-anak syarikat dan aset milik 1MDB iaitu Tun Razak Exchange (TRX), Bandar Malaysia, tanah Air Itam dan tanah Pulau Indah, diserahkan kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) supaya dapat dikawal selia dan diuruskan dengan lebih rapi dan teliti.

Sehingga kini, 1MDB telah melupuskan tiga aset utamanya iaitu tanah pembangunan TRX, tanah pembangunan Bandar Malaysia dan tanah Ayer Itam manakala tanah Pulau Indah yang berkeluasan kira-kira 318.42 ekar masih menjadi milik 1MDB dan kini sedang dalam proses untuk dijual.

Tuan Yang Dipertua,

Senarai dan jumlah aset 1MDB seperti yang dinyatakan di atas adalah diperoleh melalui semakan pihak Kementerian Kewangan dengan 1MDB. Kedudukan sebenar aset dan hutang 1MDB yang telah diaudit masih belum dapat ditentukan kerana Penyata Kewangan 1MDB bagi tahun berakhir 31 Mac 2015 sehingga kini masih tidak dapat diaudit dan dimuktamadkan. Juruaudit semasa 1MDB iaitu Parker Randall mengambil masa yang lama untuk menjalankan pengauditan kerana juruaudit yang lama iaitu KPMG (tahun 2010, 2011 dan 2012) dan Deloitte (tahun 2013 dan 2014) telah menarik balik laporan dan pandangan mereka terhadap penyata kewangan syarikat.

Tuan Yang Dipertua,

Encik Arul Kanda hanya akan dihadapkan ke mahkamah sekiranya terdapat bukti kukuh berkaitan sebarang pelanggaran undang-undang. Pada masa ini,

NO SOALAN : 45

Encik Arul Kanda telah didakwa bagi kes meminda Laporan Akhir Pengauditan 1MDB di bawah Seksyen 28(1)(c) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : **17 JULAI 2019**

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memajukan '*Community Based Tourism*' dalam konteks eko dan *agrotourism* di daerah Sik khususnya eksplorasi hutan dan Empangan Ulu Muda serta Tasik Beris.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Daerah Sik mempunyai potensi dalam pembangunan '*Community Based Tourism*' terutamanya dalam konteks ekopelancongan dan agropelancongan. Menerusi Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025, Kementerian telah mengenalpasti kluster Sungai Petani – Ulu Muda sebagai salah satu daripada tiga (3) kluster destinasi ekopelancongan di Kedah. Kewujudan pelbagai tarikan pelancongan seperti Hutan Simpan Ulu Muda, Kolam Air Panas Ulu Lenggong, Ladang Anggur Tasik Beris dan Sungai Merbok menjadikan Sik sebagai kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan dan dipromosikan secara bersepadu di Kedah.

Kawasan Ulu Muda khususnya mempunyai kemudahan-kemudahan bagi menarik pelancong seperti MUDA Resort yang menawarkan kemudahan dewan mesyuarat dan chalet-chalet yang selesa. Di samping itu, terdapat juga Homestay Kampong Jeruju dan

Homestay MADA (*Muda Agricultural Development Authority*) Pulau Pisang yang menawarkan pengalaman percutian agropelancongan melalui *farmstay*.

Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atau MOA dalam mempromosi agropelancongan di kawasan Ulu Muda sebagai salah satu produk pelancongan negara. Antara inisiatif ke arah ini adalah penganjuran *Malaysian Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show* (MAHA) oleh MOA yang disokong oleh Kementerian ini. Program MAHA yang melibatkan penyertaan antarabangsa ini secara tidak langsung mempromosikan Ulu Muda sebagai destinasi *agrotourism* yang menarik di Negeri Kedah.

Selain itu, antara inisiatif lain yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam memajukan ekopelancongan dan agropelancongan di Sik adalah:

- a) bekerjasama dengan agensi seperti MADA bagi kemajuan aktiviti pelancongan di Empangan Muda;
- b) bekerjasama dengan agensi seperti Majlis Daerah Sik dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah bagi penyediaan Pelan Tindakan Pengurusan Pelancongan Ulu Muda yang berdasarkan *Community Based Tourism*;
- c) mengadakan Kursus Asas Homestay Amanah bersama agensi-agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia dan Majlis Daerah Sik bagi membolehkan beberapa kampung di daerah Sik menyertai Program Pengalaman Homestay Malaysia.
- d) membangunkan komuniti kraf di Mukim Jeneri, Kampung Masjid Jeneri bagi produk berdasarkan batik dan Mukim Sok, Kampung Belantek bagi produk berdasarkan buluh; dan
- e) bekerjasama dengan agensi seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah atau KEDA bagi mempromosikan ladang kopi, kebun kelapa dan perusahaan madu kelulut melalui penganjuran program serta kursus di kawasan tersebut.

Kementerian melalui Tourism Malaysia (TM) akan meneruskan program kerjasama dengan MOA bagi mempromosikan produk-produk agropelancongan negara terutama dengan pengusaha-pengusaha tempatan termasuk Ulu Muda. Antaranya adalah penganjuran program seminar bagi universiti-universiti tempatan, bengkel-bengkel pembangunan pakej, penyertaan di pameran-pameran pelancongan tempatan seperti MITA dan MATTA Fair, penyenaraian produk-produk pelancongan Ulu Muda dalam risalah-risalah pelancongan dan laman web rasmi TM serta promosi melalui media sosial. Pengusaha-pengusaha pelancongan Ulu Muda juga digalakkan untuk menyertai platform promosi TM sebagai salah satu usaha dalam meningkatkan ekonomi masyarakat tempatan Sik.

Sekian, terima kasih.